

PEMBIAYAAN BERJANGKA-i

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (LMP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Pembiayaan Perdagangan anda.

Pelanggan lain telah membaca LMP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga disarankan untuk membacanya.**



Export-Import Bank of Malaysia Berhad
(Anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB))

Tarikh:

1. Apakah Pembiayaan Berjangka-i?

Pembiayaan Berjangka-i (Term Financing-i/TF-i) ialah kemudahan yang memudahkan keperluan kewangan anda dalam membiayai aktiviti eksport, projek, kontrak serta keperluan pembiayaan yang lain. Konsep Syariah yang terpakai bagi produk ini ialah:

- **Ijarah:** Kontrak pajakan yang memindahkan pemilikan manfaat (*usufruct*) aset kepada individu yang lain untuk tempoh tertentu sebagai pertukaran untuk balasan tertentu.
- **Tawarruq:** Urus niaga jual beli yang melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan penjualan sesuatu aset oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Seterusnya, pembeli dalam transaksi pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.
- **Murabahah:** Penjualan dan pembelian aset di mana kos perolehan dan margin keuntungan didedahkan kepada pembeli.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk pembayaran ini, sebagai ilustrasi:

Amaun Pembiayaan	=	RM500,000
Ansuran Bulanan	=	RM7,071.00
Tempoh Pembiayaan	=	10 Tahun
Kadar Untung Efektif	=	6.97% setahun (*COF-i + Margin Keuntungan (Spread))
Harga Jualan	=	RM848,500

*Kos Dana (COF-i) akan dikenakan oleh Bank atas permintaan kemudahan tersebut. Untuk ilustrasi ini, COF-i diandaikan pada 5.47% setahun manakala margin keuntungan pada 1.5% setahun.

**Di bawah konsep pembiayaan kadar boleh ubah, Bank akan memberikan *ibra'* (rebat) untuk perbezaan antara keuntungan yang dikira pada Kadar Keuntungan Siling/*Ceiling Profit Rate* (CPR) dan yang dikira pada Kadar Keuntungan Semasa/*Prevailing Profit Rate* (PPR).

Yuran dan Caj

Jenis Yuran dan Caj	Kuantum
Duti Setem	Mengikut Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di bidang kuasa lain (jika berkenaan).
Yuran Guaman (jika berkenaan)	Termasuk yuran peguam untuk dokumentasi pembiayaan, Cukai Kerajaan, yuran dan caj untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrutan atau sebarang yuran lain yang berkaitan dengan Kemudahan.
Yuran Kemudahan	Yuran pemprosesan sebanyak 1.0%* daripada jumlah pembiayaan. Tidak terpakai kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). *Tertakluk kepada Tema dan Syarat.

- Sila dapatkan Piawaian Yuran dan Caj Bank daripada Pengurus Perhubungan anda. Atau layari laman web kami di <http://www.exim.com.my/>

Sekiranya saya gagal menunaikan kewajipan saya?

Kami akan mengenakan caj ganti rugi bagi pembayaran lewat (Ta'widh):

- Sehingga satu peratus (1%) setahun;
 - ke atas ansuran tertunggak sepanjang Tempoh Kemudahan; atau
 - ke atas baki tertunggak sekiranya berlaku keingkaran yang menyebabkan keseluruhan Kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang;
- Sehingga kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ('IIMM') atau kadar lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:
 - ke atas baki tertunggak selepas tempoh matang pembiayaan; atau
 - ke atas baki tertunggak selepas penghakiman walaupun Kemudahan telah matang.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, caj ganti rugi bagi pembayaran lewat (Ta'widh) tidak akan dikompaun.

Nota: Pengenaan Ta'widh adalah tertakluk kepada cara yang diluluskan oleh BNM dari semasa ke semasa.

3. Ketahui Risiko Anda

- Kadar Keuntungan Semasa kami mungkin tertakluk kepada perubahan pasaran semasa tempoh pembiayaan. Walau bagaimanapun, kadar tersebut tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling dan/atau Harga Jualan.
- Kegagalan membayar hutang di bawah kemudahan pembiayaan akan mengakibatkan rekod buruk pada penarafan kredit anda.

4. Terma Utama Lain

- Penjamin atau Cagaran: Bank mungkin memerlukan anda menyediakan penjamin atau sekuriti/cagaran yang boleh diterima oleh Bank.
- Perlindungan Takaful: Anda dikehendaki untuk melanggan perlindungan Takaful yang sesuai, melainkan tiada kemudahan Takaful tersedia dan tertakluk kepada keperluan dalaman Bank.
- Perubahan Butiran Perhubungan: Adalah penting untuk memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Bantuan dan Penyelesaian

Jika anda mempunyai aduan atau memerlukan bantuan, anda boleh menghubungi:



Export-Import Bank of Malaysia Berhad
 ☎ +603 2601 2000
 ✉ communications@exim.com.my
 🌐 www.exim.com.my



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
 Untuk perkhidmatan percuma seperti kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi PKS
 ☎ +603 2616 7766
 🌐 https://www.akpk.org.my/?latest-updates=all



Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK
 Jika anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian aduan yang diberikan oleh pihak Bank
 ☎ 1-300-88-5465
 ✉ bnmtelink@bnm.gov.my



Financial Market Ombudsman Service (FMOS)
 ☎ +603 2272 2811
 🌐 www.fmos.org.my

Tanggungjawab anda adalah untuk



Membaca dan memahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum menandatangani.



Pastikan anda melunaskan caj keuntungan, membayar bil yang telah matang, ansuran bulanan dan/atau sebarang yuran dan caj lain (jika ada) tepat pada masanya dan sepenuhnya sepanjang tempoh pembiayaan/fasiliti. Sila hubungi kami sekiranya anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan / jumlah perlu dibayar tepat pada masanya.

Penafian: Maklumat, terma dan syarat dalam helaian pendedahan produk ini adalah bersifat indikatif dan tidak mengikat Bank. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan dalam Surat Tawaran/ Surat Kemudahan/ Perjanjian Induk selepas penilaian kredit yang sewajarnya serta kelulusan akhir oleh pihak pengurusan Bank.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN INI PADA MASA YANG DITETAPKAN.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan memahami apa yang anda tandatangani.

- ☐ Saya mengakui bahawa EXIM Bank telah memberikan saya salinan LMP.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam LMP ini

*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya timbul sebarang pertikaian berhubung terma dan syarat produk pada masa akan datang.

Nama: _____
 Tarikh: _____ Cop Syarikat